

# Konvokesyen ke-11 USIM di Kompleks Sukan Tuanku Najihah

SEREMBAN 7 Nov. - Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memasuki tahun ke-11 penganjurannya akan diadakan di pekarangan Kompleks Sukan Tuanku Najihah, USIM dari 28 November hingga 1 Disember ini.

Setiausaha Jawatankuasa Pelaksana Pesta Konvokesyen USIM, Nasrul Hakim Ahmad berkata, buat kali ketiga pesta itu akan diadakan dengan kerjasama Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd. dengan akhbar *Utusan Malaysia* dilantik sebagai akhbar rasmi suluhan kerjasama dua tahun lalu.

"Saya percaya penglibatan *Utusan Malaysia* dalam mempromosikan pesta konvokesyen kali ini secara besar-besaran berupaya menonjolkan USIM selaku sebuah institusi pengajian tinggi terkehadapan yang berteraskan pengajian Islam.

"Dalam masa sama, pesta yang diselitkan dengan pelbagai aktiviti bermanfaat itu diharapkan dapat mendekatkan lagi masyarakat kepada USIM selain meraikan graduan yang berjaya diijazahkan tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Nasrul Hakim, melalui hebahan yang dilakukan *Utusan Malaysia*, pesta konvokesyen kali ini dijangka mampu me-

Pesta  
**KONVO**  
Utusan Mingguan USIM  
kali ke-11, 2013



narik lebih ramai pengunjung berbanding dua tahun lalu.

Beliau berkata, antara acara yang dijangka dapat menarik perhatian pengunjung adalah Hari Terbuka dan Karnival Siswa selain acara menarik seperti Santai Selebriti yang menampilkan pelbagai tokoh agama terkenal tanah air serta Kid's Corner yang menampilkan maskot Upin Ipin dalam pertandingan mewarna.

Katanya, pelbagai acara yang menawarkan hadiah wang tunai turut diadakan termasuk kejohanan futsal, pertandingan memancing dan banyak lagi.

Menurutnya, sejumlah 120 gerai jualan juga ditawarkan kepada mereka yang berminat untuk menjalankan perniagaan sepanjang pesta konvokesyen tersebut.